

Tangani isu kesaksamaan gender serlah potensi wanita

Oleh Datuk Dr Madeline Berma
bhrencana@bh.com.my

Malaysia meraikan Hari Wanita pada 8 Mac setiap tahun dan pada tahun ini, 'Saksama Bersama' dipilih sebagai tema sambutan Hari Wanita 2022.

Hari Wanita Sedunia kali pertama disambut pada 28 Februari 1909 di New York, namun hanya pada 1977, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan 8 Mac sebagai tarikh rasmi untuk pembelaan hak wanita dan keda-maian dunia.

Seiring dengan sambutan Hari Wanita ini, mengapakah kesaksamaan gender dan pencapaian wanita dalam pembangunan ekonomi perlu diberi perhatian serius pemerintah dan penggubal dasar.

Terdapat beberapa jawapan kepada persoalan ini. Populasi wanita di negara adalah separuh

jurang antara wanita dan lelaki sebaliknya nilai skor '0' bermaksud, wujud jurang antara wanita dan lelaki.

Pada tahun 2021, GGI bagi Malaysia adalah 0.068. Daripada segi penyertaan ekonomi dan peluang, Malaysia mencatat skor 0.638.

Statistik mengenai penyertaan wanita dalam pasaran buruh tidak banyak berubah. Walaupun ramai wanita berkelulusan institut pengajian tinggi (IPT) dan berkelayakan, penyertaan mereka dalam pasaran buruh tidak menampakkan transformasi besar.

Statistik Jabatan Perangkaan menjelaskan kadar penyertaan wanita masih rendah (55.5 peratus) berbanding dengan lelaki (80.9 peratus).

Kajian Bank Dunia mendapati, sekiranya kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh dipertingkatkan, keadaan ini menyebabkan pendapatan per kapita 26.2 peratus iaitu pertambahan pendapatan tahunan secara purata sebanyak RM 9,400.

dan 1 Jun 2023 bagi syarikat tersenarai lain.

Daripada segi pekerjaan, masih wujud keadaan di mana terdapat sektor dicirikan sebagai 'kewanitaan' kerana peratusan tinggi wanita berbanding lelaki menceburi bidang berkenaan seperti pendidikan (65.4 peratus), kesihatan dan kerja sosial (68.7 peratus) dan kerja rumah (92 peratus).

Pada tahun 2020, pendapatan purata dan menengah pekerja wanita lebih rendah berbanding dengan pekerja lelaki. Pekerja wanita menerima gaji menengah RM2,019 berbanding RM2,093 sebulan bagi pekerja lelaki.

Daripada segi gaji purata, pekerja wanita menerima RM2,889 berbanding RM2,963 bagi pekerja lelaki.

Satu lagi aspek adalah insiden kemiskinan. Pada tahun 2019, kemiskinan mutlak isi rumah diketuai wanita adalah lebih rendah iaitu 5.4 peratus berbanding dengan isi rumah diketuai lelaki iaitu enam peratus.



Profesor Kehormat
Universiti Malaysia
Sarawak (UNIMAS)

daripada jumlah penduduk Malaysia. Data terkini dikeluarkan Jabatan Perangkaan pada suku tahun ketiga tahun 2021, jumlah penduduk Malaysia adalah seramai 32.6 juta orang.

Daripada jumlah itu, 15.8 juta adalah wanita dan 16.7 juta lelaki. Nisbah jantina adalah 106 lelaki bagi setiap 100 wanita.

Timbul persoalan sejauh mana pencapaian Malaysia dalam aspek kesaksamaan gender. Jawapan kepada persoalan ini boleh diperolehi dengan membanding jurang antara wanita dan lelaki.

Pada tahun 2016, Malaysia menzahirkan komitmen dan solidariti bersama negara anggota PBB untuk merealisasikan agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030.

Satu daripada teras dalam SDG ialah kesaksamaan gender yang menekankan prinsip kesamarataan antara lelaki dan wanita dalam aspek politik, ekonomi dan kesihatan.

Daripada segi kesaksamaan gender, Malaysia meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC).

Malaysia juga menjadi penyokong Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing untuk memperkasakan dan melindungi keselamatan serta kepentingan wanita dan kanak-kanak.

Kini, wujud Indeks Jurang Gender (GGI) untuk mengenalpasti jurang antara wanita dan lelaki dalam empat sub-indeks iaitu peluang dan penyeritaan ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kehidupan, serta penguasaan politik.

Skor dengan nilai '1.0' menunjukkan tiada

Ketika pandemik COVID-19, pekerja wanita lebih terkesan berbanding pekerja lelaki. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengawal penularan COVID-19 menjejaskan sektor diceburi wanita, seperti perkhidmatan, pelancongan, penggunaan dan peruncitan.

Kajian dilakukan Tabung Kanak-kanak PBB (UNICEF) dan Tabung Kependudukan PBB (UNFPA) terhadap penghuni rumah pangsa di Kuala Lumpur menunjukkan 66 peratus daripada isi rumah diketuai wanita mengalami penyusutan pendapatan pada bulan September 2020.

Kajian ini juga melaporkan isi rumah diketuai wanita mengalami kadar pengangguran sembilan peratus pada tahun 2019, meningkat kepada 32 peratus pada Mei 2020 dan turun 10 peratus pada September tahun sama.

Jabatan Perangkaan turut melaporkan, pada tahun 2019 menunjukkan 76.7 peratus daripada jawatan pengurusan tertinggi diisi lelaki merangkumi 58.5 peratus pekerja profesional dan teknikal berbanding 23.3 peratus dan 41.5 peratus bagi pekerja wanita.

Pada tahun 2021, 25.8 peratus wanita dilantik dalam jawatan lembaga pengarah syarikat senaraian awam, peningkatan 82 peratus sejak tahun 2015. Terdapat 27 peratus atau 252 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia belum mempunyai komposisi pengarah wanita.

Dalam Bajet 2022, kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti (SC) mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senaraian awam.

Cadangan ini dijangka berkuat kuasa pada 1 September nanti bagi syarikat bermodal besar

Bagaimanapun, daripada segi kemiskinan relatif, isi rumah diketuai wanita jauh lebih tinggi iaitu 27.3 peratus berbanding isi rumah diketuai lelaki (14.8 peratus).

Daripada segi pencapaian pendidikan pula, skor GGI Malaysia adalah 0.950. Pekerja wanita didapati lebih berpendidikan berbanding pekerja lelaki.

Daripada segi pencapaian pendidikan, pelajar perempuan menunjukkan pencapaian cemerlang lebih menyeluruh dan konsisten dalam kebanyakan peperiksaan awam.

Sementara itu, lebih 50 peratus graduan yang ada ketika ini adalah wanita termasuk 59 peratus wanita terbabit dalam sektor sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Kajian Peralihan Persekolahan ke Pasaran Pekerjaan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) mendapati dua fenomena menarik perhatian iaitu apabila kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja masih rendah dan kadar pengangguran tinggi.

Boleh dirumuskan, Malaysia masih ketinggalan berbanding dengan beberapa negara lain di ASEAN daripada segi kesaksamaan gender.

Sesuai dengan tema Hari Wanita Sedunia 2022, usaha perlu dilakukan agar kesaksamaan gender terus diberi perhatian supaya wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak dan tanggungjawab sama dalam semua aspek kehidupan.

Potensi wanita dan kanak-kanak perempuan perlu dipupuk, disubur dan diserlahkan sepenuhnya supaya mereka dapat menjadi peserta aktif serta penyumbang kepada ekonomi, kehidupan sosial, keluarga dan masyarakat.

